



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971
DR.54/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi mengubah undang² yang berkuatkuasa berhubung dengan duti harta pesaka.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka), 1971 dan hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia.

Tajok ringkas.

(2) Tertaklok kepada sekshen 2, Akta ini hendak-lah di-bacha dan di-tafsirkan bersama dengan undang² duti harta pesaka yang berkaitan.

2. (1) Dalam Akta ini melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“anak” termasuk-lah anak tiri dan anak yang di-ambil sa-bagai anak angkat mengikut mana² undang² berhubung dengan pengambilan anak angkat yang di-pakai bagi ibu atau bapa angkat itu;

“isteri” termasuk-lah semua isteri bagi sa-saorang yang di-benarkan beristeri lebeh daripada satu menurut undang² diri-nya;

“undang² duti harta pesaka yang berkaitan” erti-nya undang² berhubung dengan duti harta pesaka yang berkuatkuasa di-Sabah, Sarawak atau Malaysia Barat, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Tertaklok kepada sekshen-kechil (1), jika sa-suatu perkataan atau perbahasaannya yang di-gunakan dalam Akta ini mempunyai erti yang di-beri kapada-nya oleh mana² peruntokan undang² duti harta pesaka yang berkaitan, maka perkataan atau perbahasaannya itu hendak-lah, dalam Akta ini, mempunyai erti yang di-beri kapada-nya sa-demikian itu melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain.

Kadar²
duti harta
pesaka
dalam
sa-tengah²
hal.

3. (1) Jika sa-kira-nya sa-saorang mati pada atau sa-lepas 15hb Januari, 1970, maka banyak-nya duti harta pesaka atas harta yang terletak dalam Malaysia dan yang si-mati layak melepaskan pada masa kematian-nya dan—

(a) yang turun menurut kuatkuasa undang² kepada isteri, anak atau chuchu chichit-nya; atau

(b) yang di-wasiatkan oleh si-mati supaya di-pindahkan kepada isteri, anak atau chuchu chichit-nya,

ia-itu sa-takat mana harta itu berpindah kepada pemunyaan yang berfaedah bagi isteri, anak atau chuchu chichit itu, ia-lah lima puluh peratus daripada jumlah duti harta pesaka yang kena di-bayar, jika sa-kira-nya sekshen ini tidak di-jadikan undang², bagi harta itu mengikut kadar bersenggat yang di-nyatakan dalam undang² duti harta pesaka yang berkaitan.

(2) Berkenaan dengan harta sa-saorang Islam yang mati meninggalkan isteri, anak atau chuchu chichit pada masa kematian-nya, sekshen-kechil (1) hendak-lah juga di-pakai bagi apa² harta yang turun menurut hukum Shara' kepada waris peringkat atas-nya atau waris peringkat sama-nya.

Peman-
sokhan.

4. Ordinan No. 59 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

HURAIAN

Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan Ordinan No. 59 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan. Ordinan itu mengadakan peruntokan mengurangkan duti harta pesaka atas harta yang terletak dalam Malaysia, ia-itu yang turun kepada isteri, anak atau chuchu chichit simati atau yang telah di-wasiatkan oleh simati untuk di-berikan kepada mana² mereka itu. Pengurangan itu ia-lah sa-banyak lima puluh peratus daripada banyak-nya yang biasa kena di-bayar menurut undang² yang berkenaan (sekshen 3 (1)).

Pengurangan sa-banyak itu juga ada-lah di-benarkan mengenai harta sa-saorang Islam yang mati, ia-itu yang turun kepada waris peringkat atas-nya atau waris peringkat sama-nya, dengan syarat orang Islam yang mati itu ada meninggalkan isteri, anak atau chuchu chichit yang maseh hidup tatkala ia mati (sekshen 3 (2)). Pengurangan ini di-benarkan ia-lah untuk mengelakkan kadar atau jumlah duti yang lebeh tinggi atas harta pesaka orang Islam daripada yang di-kenakan atas harta pesaka orang bukan Islam, kerana menurut hukum shara' sa-saorang Islam di-larang mewasiatkan harta-nya kepada waris²-nya lebeh daripada sa-suatu kadar yang tertentu manakala sa-saorang bukan Islam bebas mewasiatkan kesemua harta pesaka-nya kepada waris²-nya yang layak menerima-nya.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memasokkan peruntokan Ordinan No. 59 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 itu ka-dalam undang² yang kekal.

[PN. (U²) 148.]